



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya

Tel : 603 – 88832545
Faks : 603 – 88895542
E-mail : ismailmerican@moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM87/P1/29/1 Jld.2 (15)
Tarikh : 24 Februari 2010

Semua Pengarah Kesihatan Negeri
Pengarah Hospital Kuala Lumpur

YBhg Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BILANGAN 6 TAHUN 2010:
PELAKSANAAN PEMBERIAN KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD KEPADA
PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG MENDERMA ORGAN SEMASA HIDUP**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2010, JPA (BGE) 223/5/4-3(50) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), bertarikh 2 Februari 2010.

2. Kementerian Kesihatan menggalakkan rakyat Malaysia untuk menderma organ selepas kematian (“pendermaan organ kadaverik”). Kementerian Kesihatan juga sedang mengatur strategi tertentu untuk meningkatkan kadar pendermaan organ kadaverik dari kalangan rakyat negara ini (Pekeliling KPK bilangan 4 tahun 2008 adalah berkaitan). Walau bagaimanapun, disebabkan kadar pendermaan organ kadaverik yang masih rendah di negara ini, pendermaan organ dari penderma hidup boleh dilakukan sebagai alternatif.

3. Bagi membantu serta memudahkan penderma organ menjalani proses pemulihan, JPA dengan kerjasama Kementerian Kesihatan telah meluluskan kemudahan Cuti Tanpa Rekod kepada pegawai perkhidmatan awam yang menderma organ semasa hidup. Tujuan pekeliling ini dikeluarkan adalah bagi menggariskan **tatacara pelaksanaan** dasar tersebut sebagaimana yang dilampirkan.

4. Sebarang pertanyaan mengenai pelaksanaan pekeliling ini boleh dikemukakan kepada;

Unit Perkhidmatan Transplan, Bahagian Perkembangan Perubatan

Aras 5, Blok E1, Parcel E,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 Putrajaya

0388831165, 0388831155 (fax), transplantation_unit@moh.gov.my

Pusat Sumber Transplan Nasional, Hospital Kuala Lumpur

Hospital Kuala Lumpur, Jalan Pahang, 50586 Kuala Lumpur

0326942704/5, 0326156269 (fax), ntrc@hkl.gov.my

Sekian terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

*Yang ikhlas,
Les*

(TAN SRI DATO' SERI DR HJ MOHD ISMAIL MERICAN)

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k

- Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan
- Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
- Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)
- Penasihat Kebangsaan Perkhidmatan Pembedahan
- Penasihat Kebangsaan Perkhidmatan Nefrologi
- Penasihat Kebangsaan Perkhidmatan Urologi
- Pusat Sumber Transplan Nasional, Hospital Kuala Lumpur

TATACARA PELAKSANAAN KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG MENDERMA ORGAN

Pekeliling Perkhidmatan JPA Bilangan 3 Tahun 2010, JPA (BGE) 223/5/4-3(50), 2 Februari 2010

1. Kemudahan ini diberikan kepada pegawai perkhidmatan awam yang menjalani pembedahan pendermaan organ (“penderma”) di hospital kerajaan dan swasta dalam negara.
2. Pegawai perubatan pakar yang merawat hendaklah memastikan proses pemindahan organ tersebut mematuhi polisi yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan (sila rujuk Polisi Transplantasi Organ, Tisu Dan Sel Kebangsaan, www.moh.gov.my atau www.agiftoflife.gov.my). Sukacita diingatkan bahawa Kementerian hanya membenarkan pendermaan hidup dari penderma yang mempunyai kaitan keluarga sahaja. Pendermaan hidup dari penderma tiada kaitan keluarga perlu mendapat kelulusan khas dari pihak Kementerian.
3. Pegawai perubatan pakar yang merawat (pakar bedah) perlu menggunakan pertimbangan klinikal masing-masing bagi menentukan tempoh Cuti Tanpa Rekod yang sesuai bagi membolehkan penderma tersebut menjalani proses pemulihan.
4. Sekiranya perlu, tempoh Cuti Tanpa Rekod yang telah diberikan selepas penderma dibenarkan pulang dari hospital (*discharge*) boleh dilanjutkan dengan syarat jumlah tempoh cuti tidak melebihi 42 hari.
5. Sekiranya tempoh yang diperlukan untuk menjalani pemulihan melebihi 42 hari (contohnya penderma yang mengalami komplikasi), kemudahan Cuti Sakit berdasarkan Sijil Cuti Sakit (*Medical Certificate*) boleh dikeluarkan oleh pihak hospital.
6. Pegawai perubatan pakar yang merawat (pakar bedah) perlu mengisi Borang Perakuan Cuti Tanpa Rekod sebagaimana yang dilampirkan, sebelum penderma dibenarkan pulang dari hospital (*discharge*). Borang yang sama boleh digunakan untuk tujuan perlanjutan tempoh Cuti Tanpa Rekod tersebut. Borang hendaklah diisi dalam 2 salinan untuk simpanan pihak hospital dan untuk diberikan kepada penderma. Penderma tersebut bertanggungjawap untuk mengemukakan salinan tersebut kepada pihak majikan.



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

BORANG PERAKUAN CUTI TANPA REKOD¹

UNTUK PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG MENDERMA ORGAN

(merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2010, JPA(BGE)223/5/4-3(50) 2 Februari 2010)

Nama penderma organ : _____

No kad pengenalan : _____

Kementerian/Jabatan : _____

Prosedur pendermaan organ : _____

Dengan ini saya mengesahkan pegawai di atas, telah menjalani pembedahan pendermaan organ di Hospital _____ pada _____.

Merujuk kepada peruntukan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2010, JPA(BGE)223/5/4-3(50), pegawai berkenaan layak diberikan Cuti Tanpa Rekod sebanyak _____ hari (dalam perkataan)², dari tarikh _____ . Pembedahan pendermaan organ tersebut telah dijalankan dengan mematuhi peraturan dan prosedur yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pegawai perubatan pakar:

_____ (tandatangan/cop rasmi)

Nama : _____

Jawatan : _____

No pendaftaran penuh MPM : _____

¹ sila kemukakan dalam **dua** salinan; satu salinan untuk penderma (untuk dikemukakan kepada majikan), satu salinan untuk simpanan hospital

² tempoh Cuti Tanpa Rekod yang diberikan adalah munasabah mengikut pertimbangan pegawai perubatan pakar yang merawat.